

SENARAI INOVASI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

| Bil. | Nama Inovasi | Maklumat Ringkas |
|-------------|-----------------------------------|--|
| 1 | Sistem AP58(a) Online (versi 2.0) | <p>Latar Belakang Arahan Perbendaharaan 58(a) menetapkan bahawa kelulusan Ketua Akauntan diperlukan bagi membayar/menyelaras baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun semasa berkaitan dengan pertanggung-pertanggung yang perlu dibayar pada/sebelum hujung tahun kewangan yang lama. Permohonan sijil AP58(a) hendaklah menggunakan borang yang ditetapkan dan disertakan bersama dokumen-dokumen sokongan pembayaran. Proses kelulusan sijil AP58(a) bermula dari peringkat permohonan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) sehingga peringkat kelulusan di Pejabat Perakaunan (AO).</p> <p>Tujuan Inovasi Sistem ini bertujuan untuk menggantikan proses kelulusan sijil AP58(a) secara manual kepada secara <i>online</i> bagi 36 PTJ Kementerian di Lembah Kelang.</p> <p>Proses Sebelum Dan Selepas (Perbandingan)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempoh proses dipendekkan daripada 7 hari kepada 3 hari; 2. Proses kerja lebih mudah dimana dokumen sokongan fizikal tidak perlu dihantar ke AO; 3. Baki peruntukan tahun dipertanggung mudah diagihkan dan terkawal. |

| Bil. | Nama Inovasi | Maklumat Ringkas |
|------|--------------|---|
| | | <p>Ciri-Ciri Dan Impak Inovasi</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PTJ dapat memproses permohonan sijil secara online; 2. Ketua PTJ dapat memperaku permohonan sijil secara online; 3. Bahagian Kewangan dapat menyokong permohonan sijil PTJ secara online sekiranya baki peruntukan kementerian mencukupi apabila baki peruntukan PTJ tidak mencukupi; 4. AO dapat meluluskan permohonan sijil secara online; 5. Data sijil permohonan yang ditolak boleh disalin dan dipinda menjadi permohonan baru secara online; dan 6. Setiap pengguna sistem yang terlibat di dalam satu proses permohonan akan menerima emel notifikasi tindakan secara automatik. <p>Jadual/Statistik Dan Lain-Lain</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Versi 1.0 sistem mula digunakan pada 21 April 2009 manakala versi 2.0 pada 16 Mac 2011; 2. Item no. 3, 5 dan 6 adalah ciri-ciri dan impak yang ditambah baik dalam versi 2.0. |